

Keluarga terima ijazah anak meninggal kerana barah

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI
berita@kosmo.com.my

SERDANG - Majlis Konvokesyen Sidang Tiga Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-37 di sini semalam diselubungi kepiluan apabila sepasang suami isteri naik ke pentas untuk menerima segulung ijazah bagi pihak anak perempuan mereka yang meninggal dunia tahun lepas kerana barah kelenjar.



ALLAHYARHAM ZAFIRAH

Ijazah diterima oleh ibu dan bapa Allahyarham Zafirah 28, iaitu Zubaidah Mohamad Noh, 53, dan Zainal Abidin Mohd. Yusuf, 56.

Menurut Zubaidah, anaknya merupakan seorang yang tidak mengenal erti putus asa walaupun sedang menghidap penyakit barah sewaktu mengikuti kursus Kejuruteraan Makanan di UPM.

"Walaupun tahu menghadapi barah kelenjar tahap dua, dia tidak pernah menganggap ia sebagai alasan untuknya berhenti belajar malah sempat menyiapkan kajian ilmiahnya pada masa yang ditetapkan.

"Semasa hayatnya dia seorang yang periang dan tidak pernah mengeluh atas nasib yang menimpanya," katanya selepas menerima ijazah berkenaan daripada Pro Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail.

Turut hadir, Pro Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Arifin dan Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan.

Zubaidah berkata, anaknya sentiasa berfikir positif dan kuat semangat serta tidak pernah gagal menghadiri sesi rawatan susulan dan kimoterapi menyebabkan kesihatannya semakin pulih.



ROZALI (dua dari kanan) menyampaikan ijazah Allahyarham Zafirah kepada Zubaidah dan Zainal Abidin (tengah) pada Majlis Konvokesyen UPM ke-37 di Serdang semalam. Turut kelihatan, Nayan (kanan) dan Mohd. Fauzi.

"Namun, nasib tidak menyebelainya apabila berlaku jangkitan kuman ekoran satu pembedahan menyebabkan dia koma," jelasnya.

Allahyarham Zafirah merupakan seorang daripada 7,149 graduan pelbagai

program pengajian yang dianugerahkan ijazah dan diploma masing-masing.

Mereka terdiri daripada 440 penerima Ijazah Doktor Falsafah, 2,197 Ijazah Sarjana, 4,158 Ijazah Sarjana Muda dan 354 diploma.

Sementara itu, status ibu

tunggal bukan penghalang kepada Shahida Jaafar, 46, untuk berjaya menamatkan pengajian dalam bidang pengurusan perniagaan.

Shahida berkata, hasrat menyambung pelajaran adalah untuk membuktikan kepada dua anaknya, Mohd. Sa-



SHAHIDA menunjukkan ijazah yang diterima kepada dua anaknya, Mohd. Safwat (kanan) dan Ahmad Juwaidi di Serdang semalam.

fwat Mohd. Fadzil, 17, dan Ahmad Juwaidi, 16.

"Saya ingin menjadikan kejayaan saya sebagai inspirasi kepada anak-anak untuk berjaya dalam hidup," katanya yang merupakan Pengarah Urusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia.